

PENERAPAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN MELALUI CERITA-CERITA RAKYAT MELAYU: KAJIAN TEKS *HIMPUNAN 366 CERITA RAKYAT MALAYSIA* DISELENGGARA OLEH ARIPIIN SAID & OTHMAN PUTEH
(IMPLEMENTATION OF NATIONAL EDUCATION PHILOSOPHY THROUGH MALAY FOLKLORES: A STUDY OF *366 COLLECTIONS OF MALAYSIAN FOLK TALES* COMPILED BY ARIPIIN SAID & OTHMAN PUTEH)

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB* DAN NASIRIN ABDILLAH

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Kelantan.

*Corresponding author: mohdfirdauscheyaakob@yahoo.com

Abstrak: Cerita-cerita rakyat yang terkandung dalam *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* cukup kaya dengan nilai-nilai murni yang dapat membentuk tingkah laku dan moral seseorang individu. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks tersebut. Selain itu, pendekatan analisis kandungan kualitatif dipilih sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Menerusi kajian ini, penerapan FPK (Falsafah Pendidikan Kebangsaan) dipilih sebagai gagasan bagi memperkukuhkan lagi analisis kajian tersebut. Penerapan konsep intelek, emosi dan rohani akan diperjelaskan dalam kajian ini. Justeru, dapatan kajian telah membuktikan bahawa contoh-contoh cerita rakyat dalam teks tersebut sememangnya sarat dengan nilai-nilai murni yang dapat membentuk nilai dan perwatakan murni dalam kalangan masyarakat sekali gus membuktikan bahawa FPK merupakan salah satu pendekatan sistematik dalam membentuk moral dan tingkah laku masyarakat melalui cerita-cerita rakyat yang diperoleh.

Kata kunci: Cerita rakyat, *himpunan 366 cerita rakyat Malaysia*, nilai-nilai murni, falsafah pendidikan kebangsaan.

Abstract: The folklore in *366 Collections of Malaysian Folk tales* was enriched with positive values that shapes individual behavior. This study aims to determine, analyze and formulate good values based on the stories. Qualitative content analysis approach was selected as a framework. The concept of National Education Philosophy (FPK) was implemented in order to justify the intellectual, emotional and spiritual. Indeed, the findings proved that the folklores are full of positive moral values that carves a decent society through a systematic approach of FPK.

Keywords: Folklore, *366 collections of Malaysian folk tales*, values, national education philosophy.

Pengenalan

Cerita rakyat merupakan sebuah genre agung milik masyarakat bersama dan khazanah tradisi untuk menyampaikan suatu pengajaran yang sangat tinggi nilainya. Oleh itu, cerita-cerita rakyat yang ada perlu dipelajari kerana ia menggambarkan tentang sejarah, pandangan hidup, adat istiadat, kepercayaan, politik, cita-cita dan juga berfungsi sebagai pendidikan kepada masyarakat. (Ismail Hamid, 1986; Halimah Hassan, 1989; Harun Mat Piah, 2006; Normaliza Abd Rahim, 2014; Mohd

Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2014; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015; Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2016) menyatakan bahawa kesusasteraan rakyat juga bermakna kesusasteraan lisan, seni tuturan atau kesusasteraan ekspresif adalah merujuk kepada segala bentuk bahasa yang mengandungi seni *susastera* iaitu yang bernilai estetik, mempunyai peranan sebagai panduan, petunjuk dan pengajaran yang dihasilkan oleh sesuatu kolektif atau rakyat, tidak terbatas kepada masyarakat Melayu desa, petani atau

nelayan sahaja tetapi juga meliputi masyarakat yang sudah memiliki sistem tulisan dan telah cukup *literate* tetapi tradisi lisan masih hidup di dalamnya. Sehubungan itu, sastra rakyat terdiri daripada rangkuman aspek kebudayaan dan pandangan dunia terhadap masyarakat tradisi. Selain itu, pewarisan sastra rakyat kepada generasi kemudian dijalinan menerusi hubungan komunikasi yang dapat mencetuskan kreativiti (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015).

Lantas, sastra rakyat yang diperoleh itu memiliki kekuatan di mana ia dapat memberi pedoman dan pengajaran kepada masyarakat tradisi. Sehubungan dengan itu, teks sesebuah cerita rakyat wajar dinilai dan diangkat dalam institusi pendidikan negara agar matlamat negara untuk melahirkan modal insan yang bertamadun dan berakhlak mulia dapat dicapai untuk menuju negara maju 2020 (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Malahan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan di Malaysia (FPK) merupakan pendekatan yang sangat relevan untuk dijadikan kayu ukur dalam menilai tahap keberkesanan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Menurut Wan Abdul Kadir (2000: 2), nilai-nilai murni yang diserapkan oleh medium kepada pembaca melalui penyampaian cerita rakyat Melayu dapat menyemai rasa kemanusiaan, kehalusan jiwa, berbudaya, bernilai murni, beragama, berperadaban dan bertamadun tinggi. Tambahan pula, segala perlakuan, tindakan dan pembinaan tradisi budaya amat bergantung kepada aspek nilai.

Nilai dan *world-view* sebagai unsur abstrak dalam budaya memainkan peranan penting untuk menentukan perlakuan anggota-anggota masyarakatnya (Wan Abdul Kadir, 2000: 2). Nilai juga dapat mencetuskan ketelusan diri seseorang individu (Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2014: 80). Hal ini membuktikan bahawa, nilai-nilai murni yang terkandung dalam setiap cerita rakyat Melayu itu mampu memberi pendidikan kepada anggota masyarakatnya. Maka, kajian ini dilakukan untuk melihat kerelevanan penerapan FPK melalui konsep intelek, rohani dan emosi terhadap cerita-cerita rakyat Melayu.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Keunggulan suatu sistem pendidikan sememangnya memerlukan kaedah yang sistematik lagi jelas dan disandarkan kepada suatu asas atau falsafah yang kukuh. Di Malaysia, keseluruhan sistem pendidikan negara dibentuk berdasarkan suatu pernyataan falsafah yang dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992) seperti berikut:

“...Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan satu dasar yang dirumus secara komprehensif dan holistik. Dengan wujudnya FPK, sistem pendidikan negara telah berganjak ke arah yang lebih sistematik dengan pengungkapan secara jelas soal prinsip dan nilai asas pendidikan negara, bermula dari peringkat paling rendah menuju ke peringkat tertinggi iaitu universiti (Zailan Moris & Sh. Azad Sh. Attar, 2007). Jelasnya, FPK menjadi tunjang kepada segala proses dan aktiviti pendidikan negara (Sufean Hussin, 2008). Melalui pernyataan FPK, matlamat, implikasi dan hala tuju pendidikan negara bersifat holistik serta merangkumi dimensi individu dan masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Paksi Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pembentukan pernyataan FPK telah digubal dengan menggunakan asas yang kukuh demi memastikan sistem pendidikan negara dapat

dicapai dengan sistematik. Antara rujukan yang terpenting ialah Laporan Penyata Razak (1956) dan Laporan Penyata Abdul Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran (1961), DEB (1971), Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelajaran (1979), Perlembagaan dan Rukun Negara, dan matlamat serta prinsip-prinsip terbaik mengenai konsep pendidikan itu sendiri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menegaskan paksi kepada pernyataan FPK ialah prinsip ketuhanan. Prinsip ini diperkukuhkan melalui konsep 'Kepercayaan Kepada Tuhan' dalam pernyataan FPK dan menjadi asas kepada usaha penyepaduan keseluruhan unsur intelek, rohani, emosi, jasmani para pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Sehubungan itu, perbincangan selanjutnya akan memperlihatkan hubungan antara Falsafah Pendidikan Negara yang terkandung dalam konsep menjana minda, rohani, emosi dan jasmani.

Pecahan kepada konsep intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Konsep Intelek

Konsep ini dilihat penting sebagai asas kepada perkembangan potensi pelajar bagi melahirkan insan yang berilmu. Dari sudut falsafah pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), menjelaskan bahawa proses menjana intelek atau minda didasari oleh konsep ilmu yang benar serta ilmu yang bermanfaat. Ilmu dari segi puncanya merujuk kepada sumber tertinggi iaitu Tuhan Maha Pencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Ciri-ciri konsep intelek ialah sikap berusaha mencari dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan, daya pemikiran logik, kreatif dan inovatif dan usaha memanfaatkan ilmu untuk diri, orang lain dan masyarakat.

Sikap Berusaha Mencari dan Mempertingkatkan Ilmu Pengetahuan

Penekanan terhadap ciri ini dalam konsep menjana minda bertepatan dengan matlamat pendidikan negara yang berhasrat untuk

melahirkan masyarakat yang gemar membaca, mencintai ilmu pengetahuan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Daya Pemikiran yang Logik, Kreatif dan Inovatif

Penekanan terhadap daya pemikiran yang logik dalam pendidikan penting kerana berperanan sebagai kaedah berfikir yang matang untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Daya pemikiran yang kreatif juga diberikan penekanan sesuai dengan tuntutan proses penjaan minda dalam konteks pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992) dan penekanan daya pemikiran kreatif ini telah diperkenalkan melalui konsep Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam pengajaran dan pembelajaran (Pusat Pengembangan Kurikulum, 2002). Manakala kemahiran berfikir inovatif pula merujuk kepada 'kebolehan untuk mencerna dan menghasilkan idea asli dan bersifat *generative*' (Pusat Pengembangan Kurikulum, 2002).

Usaha Memanfaatkan Ilmu untuk Diri, Orang Lain dan Masyarakat

Konsep menjana minda dalam pernyataan FPK juga diperkukuhkan melalui usaha memanfaatkan ilmu untuk diri, orang lain dan masyarakat. Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), menjelaskan proses pendidikan merupakan penyepaduan di antara ilmu pengetahuan, amal, keyakinan dan keikhlasan.

Konsep Rohani

Konsep rohani merupakan satu konsep yang bersifat dalaman yang berkait rapat dengan kerohanian, keperibadian diri atau hakikat insan itu sendiri. Dari sudut ontologinya, hakikat insan merujuk kepada soal hakikat kejadian diri, tujuan kehidupan, kematian dan kehidupan sesudahnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Ciri-ciri konsep rohani ialah menyedari dan menginsafi hakikat penciptanya, menghargai dan mensyukuri pemberian pencipta serta menyedari dan menginsafi tanggungjawab.

Menyedari dan Menginsafi Hakikat Pencipta

Merujuk kepada ciri menyedari dan menginsafi 'hakikat pencipta' yang terdapat pada pernyataan FPK ini dilihat selari dengan matlamat asas pendidikan negara yang berhasrat melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Menghargai dan Mensyukuri Pemberian Pencipta

Ciri menghargai dan mensyukuri pemberian pencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Secara dasarnya, segala nikmat dan pemberian dalam kehidupan seharian manusia datang daripada tuhan Maha Pencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992: 18). Malah, segala apa yang diciptakan oleh tuhan di dunia ini adalah nikmat untuk kepentingan seluruh hamba-Nya.

Menyedari dan Menginsafi Tanggungjawab

Manusia yang dicipta sebagai khalifah dan hamba kepada tuhan, bertanggungjawab dalam memelihara dan memakmurkan alam serta menjaga keseimbangan dan kesejahteraan hidup sesama manusia dan alam sekitar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Konsep Emosi

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 388), mentafsirkan emosi sebagai perasaan jiwa yang kuat seperti gembira, sedih, takut dan sebagainya. Dalam memahami konsep emosi dari sudut falsafah pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992: 17), mencirikan emosi antara kepada tiga ciri utama, iaitu perasaan tenang dan tingkah laku terkawal, memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang serta memiliki semangat kekitaan dan perpaduan.

Perasaan Tenang dan Tingkah Laku yang Terkawal

Pusat Perkembangan Kurikulum (1988) menegaskan perasaan tenang tingkah laku terkawal ini penting bagi membolehkan

seseorang mewujudkan keadaan seimbang dan harmonis untuk mewujudkan sahsiah yang sepadu.

Memiliki dan Memupuk Sikap Kasih Sayang

Kepentingan memiliki dan memupuk sikap kasih sayang dalam aspek pendidikan mampu memperkukuhkan emosi seseorang individu dalam sesebuah kehidupan bertujuan untuk mewujudkan perhubungan yang rapat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Memiliki Semangat Kekitaan dan Perpaduan

Seterusnya, konsep emosi melalui pemupukan semangat kekitaan dan perpaduan diperkukuh juga melalui pengintegrasian sistem nilai yang terdiri daripada beberapa nilai-nilai murni seperti baik hati, hormat-menghormati, semangat bermasyarakat, dan kerjasama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Selain daripada konsep emosi, pernyataan FPK juga diperkukuhkan dengan satu lagi aspek dalaman insan yang penting iaitu konsep jasmani.

Konsep Jasmani

Konsep jasmani dari sudut falsafah pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), mencirikan emosi kepada dua ciri utama iaitu kecergasan fizikal dan kesihatan diri dapat menggunakan anggota dan tenaga fizikal sendiri untuk hidup berdikari dan hidup bermasyarakat. Perbincangan selanjutnya akan menghuraikan konsep jasmani berdasarkan kepada takrifan sumber di bawah.

Kecergasan Fizikal dan Kesihatan Diri

Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menjelaskan kecergasan fizikal dan kesihatan adalah nikmat kesihatan yang paling berharga kepada setiap insan. Dengan itu, setiap manusia dilengkapi dengan kecergasan fizikal dan kesihatan diri sekali gus berupaya melakukan sesuatu aktiviti fizikal yang dapat menyihatkan tubuh badan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Dapat Menggunakan Anggota dan Tenaga Fizikal Sendiri untuk Hidup Berdikari dan Hidup Bermasyarakat

Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) turut memberi penjelasan tentang golongan yang bertanggungjawab memastikan kesihatan badan manusia berada dalam keadaan baik. Setiap insan wajarlah menjaga kesihatan agar dapat berdikari dan boleh menjalani sebuah kehidupan bermasyarakat. Hal ini amat penting bagi setiap insan untuk menjalani sebuah kehidupan yang harmonis.

Analisis Perbincangan

Kajian ini akan menganalisis nilai-nilai murni seperti nilai kebebasan, hemah tinggi dan hormat-menghormati yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat berdasarkan teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh* (2015). Sehubungan itu, penerapan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di Malaysia akan diaplikasikan melalui cerita-cerita rakyat seperti *Puteri Bunga Tanjung, Pencerita yang Bijak dan Kerana Tebu Sebatang*. Penerapan konsep intelek, emosi dan rohani jelas membuktikan kerelevanan terhadap cerita-cerita rakyat yang diperolehi.

Penerapan Konsep Intelek Melalui Nilai Murni Kebebasan

Menurut Hashim Musa (2008: 70) kebebasan merangkumi minda dan hati budi yang tidak terbeban oleh penjajahan dan dominasi oleh pihak asing sama ada secara fizikal, mental, emosional dan intelektual. Menurut Mohd Ali Hashimi (1993:123), kebebasan merupakan hak bersuara bagi seseorang individu untuk hak dan kepentingan di dalam diri. Nilai kebebasan boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Puteri Bunga Tanjung*. Hal ini jelas tergambar dalam petikan 1 berikut:

Petikan 1

Rupa-rupanya ayahandanya sudah tahu akan nasib akan puterinya. Baginda mengirinkan pakaian dari kayangan

“Maka Tuan Puteri Bunga Tanjung pun memohon izin untuk pulang ke kayangan.”

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 33)

Berdasarkan petikan 1, nilai kebebasan yang ditampilkan melalui watak Tuan Puteri Bunga Tanjung. Hal ini dapat dilihat melalui frasa-frasa seperti “memohon izin” melalui ayat lengkap yang diutarakan seperti “Maka Tuan Puteri Bunga Tanjung pun memohon izin untuk pulang ke kayangan.” Sehubungan itu, frasa “memohon izin” tersebut jelas memperlihatkan tentang tindakan berkaitan kebebasan hak bersuara dilakukan oleh Puteri Bunga Tanjung untuk pulang ke negeri kayangan. Watak Puteri Bunga Tanjung yang ingin pulang ke kayangan setelah baginda mendapatkan pakaian kayangan yang dikirimkan oleh ayahnya. Kebebasan ini dapat dicapai kerana Puteri Bunga Tanjung lebih selesa untuk tinggal di kayangan bersama keluarganya. Dalam konteks ini jelaslah bahawa seseorang itu perlukan kebebasan untuk hidup dengan sempurna. Puteri Bunga Tanjung ingin kebebasan hidup di kayangan kerana kehidupan di sana lebih membuatkan baginda selesa dan bahagia bersama keluarga tercinta. Kebebasan juga merangkumi hak bersuara seseorang individu untuk mendapatkan sesuatu dalam diri mereka (Mohd Ali Hashimi, 1993:123). Hal ini disokong oleh Amir A. Rahman (1991: 73) yang menyatakan bahawa Islam menggalakkan umatnya bersuara demi mendapatkan sesuatu tanpa adanya unsur penipuan dan penindasan.

Malah, FPK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992) turut mengatakan bahawa konsep menjana minda terhasil melalui daya pemikiran logik, kreatif dan inovatif paling sesuai untuk dirangkumi berlandaskan kepada nilai kebebasan. Hal ini kerana, konsep tersebut menjelaskan antara pemikiran logik ialah mengenal pasti dan memahami premis masalah, menilai cara penyelesaian masalah, membuat kesimpulan tentang sesuatu perkara dan membuat kesimpulan terhadap masalah tersebut. Menerusi cerita rakyat Melayu tersebut, didapati bahawa sumber menggambarkan individu menggunakan akal fikiran untuk membuat sesuatu keputusan dalam

mendapatkan kebebasan. Hal ini dapat dilihat dari sudut positif kerana suatu kebaikan dan keadilan akan dapat dicapai oleh setiap individu dalam setiap kebebasan yang diinginkan selagi ia tidak bertentangan dengan Islam.

Penerapan Konsep Emosi melalui Nilai Murni Hemah Tinggi

Menurut Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan (1992: 31), hemah tinggi merupakan sikap berbudi pekerti, tingkah mulia dan lemah lembut yang patut diamalkan oleh seseorang individu dalam hubungannya dengan ahli masyarakat yang lain. Selain itu, menurut Norita Arifin (2006: 79), hemah tinggi didefinisikan sebagai budi pekerti atau tingkah laku yang mulia dan lemah lembut serta berbudi bahasa. Selain itu, hemah tinggi melalui ciri sikap sopan santun boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Pencerita yang Bijak*. Hal ini jelas tergambar dalam petikan 2 berikut:

Petikan 2

“Apa nama kamu?” tanya raja.
 “Nama patik Awang Selampit tuanku,” jawabnya.
 “Apa cerita kamu?” tanya raja lagi.
 “Cerita seorang nelayan pergi memukat bilis tuanku,” kata Awang Selampit.
 “Silakan, beta mahu mendengarnya,” titah raja.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 170)

Berdasarkan kepada petikan 2, sumber mengetengahkan nilai hemah tinggi yang bersandarkan kepada sikap sopan santun yang dimiliki oleh watak seorang pemuda bernama Awang Selampit kerana menuturkan kata-kata sapaan yang sopan dan beradab ketika bercakap dengan seorang Raja. Hal ini dapat dilihat melalui diksi seperti “patik” dan “beta” melalui ayat lengkap yang diutarakan seperti “Nama patik Awang Selampit tuanku,” jawabnya. “Silakan, beta mahu mendengarnya,” titah raja.” Sehubungan itu, diksi “patik” dan “beta” tersebut jelas memperlihatkan sikap Awang Selampit seorang yang bersikap sopan santun ketika menuturkan kata-kata kepada seorang raja dengan menggunakan kata sapaan iaitu

patik; dan Raja menggelarkan dirinya sebagai beta. Hal ini menggambarkan sikap beradab dan tertib seseorang dalam tutur kata. Bahasa istana sebenarnya melambangkan ketinggian adat resam Melayu yang begitu hormat akan raja Melayu. Menurut Hashim Awang (2008: 59) masyarakat Melayu pada zaman dahulu sinonim dengan tingkah laku yang sopan dan beradab ketika bercakap dengan golongan atasan seperti golongan istana. Sikap sopan santun dengan menggunakan kata-kata yang beradab dan lemah lembut telah diasuh dan diamalkan oleh masyarakat Melayu untuk memastikan hubungan rakyat jelata dengan golongan atasan dapat dijaga dengan begitu baik.

Melalui teras FPK, (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992) nilai hemah tinggi bertepatan dengan konsep emosi yang memiliki ciri perasaan tenang dan tingkah laku terkawal. Hal ini kerana, nilai hemah tinggi merupakan suatu perbuatan dan sikap seseorang individu dalam melakukan sesuatu tindakan. Oleh itu, menerusi cerita-cerita rakyat Melayu jelas memperlihatkan bahawa nilai hemah tinggi digambarkan melalui sikap golongan muda yang menghormati golongan tua, sikap rakyat jelata yang menghormati golongan raja dan juga ikatan rapat antara golongan raja dengan masyarakat bawahan. Perlakuan dan tingkah laku berhemah tinggi tersebut dapat dilihat berdasarkan kepada watak-watak yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat di atas dengan merangkumi adab pertuturan serta tingkah laku pergaulan dalam kalangan masyarakat. Justeru, tindakan yang tertib dan tutur kata yang lemah lembut serta sopan santun akan mewujudkan hubungan yang harmoni dalam kalangan masyarakat. Bahkan, kewujudan ciri-ciri ini sememangnya menepati saranan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992) untuk membolehkan seseorang mewujudkan keseimbangan dan harmonis bagi mewujudkan sahsiah yang bersepadu.

Penerapan Konsep Rohani melalui Nilai Murni Hormat-menghormati

Nilai hormat-menghormati didefinisikan sebagai berbudi pekerti dengan tingkah laku mulia dan lemah lembut yang patut diamalkan oleh

seseorang individu dalam hubungannya dengan ahli masyarakat yang lain (Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan, 1992: 31). Norita Arifin (2006: 86) pula mentakrifkan nilai hormat-menghormati sebagai perasaan muhibah, bertimbang rasa, ikhlas dan menunjukkan rasa hormat kepada orang lain. Selain itu, nilai hormat-menghormati boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Kerana Tebu Sebatang*. Hal ini jelas tergambar dalam petikan berikut:

Petikan 3

“Wahai tuan hamba! Tolonglah jangan menjelma menjadi burung lagi. Hamba terlalu mengasihi tuan hamba!” kata putera raja.

“Siapakah tuan hamba ini?” tanya Melur.

“Hamba Raja Utama, putera raja negeri Kijang Garang,” kata putera raja.

“Baiklah, tetapi mestilah diberitahu kepada ibu hamba dahulu,” kata Melur.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 183)

Berdasarkan kepada petikan 3, sumber menggambarkan nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati orang tua oleh watak Melur yang mengutamakan ibu kandungnya untuk memutuskan sesuatu keputusan. Hal ini dapat dilihat melalui frasa-frasa seperti “diberitahu” dan “ibu” melalui ayat lengkap yang diutarakan seperti “Baiklah, tetapi mestilah diberitahu kepada ibu hamba dahulu,” kata Melur.” Sehubungan itu, frasa “diberitahu” dan “ibu” tersebut jelas memperlihatkan sikap Melur telah meminta raja supaya berjumpa ibu kandungnya terlebih dahulu untuk meminta restu sebelum mereka mendirikan rumah tangga. Melur menggunakan panggilan mengikut pangkat kepada orang yang lebih tua daripadanya. Melur menggunakan gelaran atau panggilan “ibu” sebagai gelaran kepada emaknya. Panggilan atau gelaran ini diberikan kepada individu-individu tertentu sebagai tanda hormat kepada mereka. Sudah menjadi tanggungjawab seorang anak untuk mengutamakan ibu bapa mereka dalam membuat sesuatu keputusan.

Berpandukan kepada FPK, (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992) dapatan

kajian membuktikan bahawa nilai hormat-menghormati relevan disesuaikan dengan konsep rohani melalui memiliki semangat kekitaan dan perpaduan. Hal ini kerana, nilai hormat-menghormati merupakan sikap yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat untuk memastikan hubungan yang akrab antara satu sama lain. Oleh itu, menerusi cerita-cerita rakyat Melayu di atas, dapat dilihat perbuatan hormat-menghormati melalui golongan muda yang menghormati golongan orang yang lebih tua. Sikap menghormati orang yang lebih tua dengan menggunakan kata sapaan yang sesuai ketika bercakap mengundang perhubungan yang baik. Penekanan kepada konsep rohani melalui ciri tersebut dalam cerita-cerita Melayu dilihat menepati matlamat pendidikan negara yang sememangnya berhasrat untuk mewujudkan keharmonian dalam masyarakat Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989).

Penutup

Perbincangan terhadap nilai-nilai murni tersebut telah memberi pandangan bahawa nilai-nilai murni selama ini menjadi pegangan penting yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terutamanya dalam menjalani kehidupan seharian mereka. Tidak dinafikan jelas dan terkandung bahawa nilai-nilai murni kini masih kekal menjadi pegangan dan warisan yang turut diakui oleh sarjana-sarjana bukan sahaja dari dalam malah luar negara. Lantas, kehidupan masyarakat Melayu yang kaya dengan kesantunan dan halus ini kemudian diserap masuk ke dalam cerita rakyat Melayu kini, dengan harapan supaya nilai-nilai murni dapat dipaparkan dan akan kekal menjadi pegangan dan warisan sepanjang zaman. Dalam konteks ini jelas membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu ini lebih besar tanggungjawabnya dan bukannya sekadar mendidik dan berhibur serta dengan penerapan konsep intelek, emosi dan rohani berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan jelas membuktikan kerelevanan kedua-dua jalinan antara cerita-cerita rakyat dengan pendekatan sistematik tersebut.

Rujukan

- Amir A. Rahman. (1991). *Pengantar Tamdun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Hassan. (1989). Masyarakat Dalam Sastera. *Dewan Sastera*. Ogos: 47-48.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad*
- Ismail Hamid. (1986). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman
- Kamus Dewan (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurent Metzger. (2007). *Nilai-Nilai Melayu Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Mana Sikana. (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali Hashimi. (1992). *Keperibadian Muslim*. Terj. Haji Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. 2(2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2): 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). “Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia.” Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Norita Ariffin. (2006). “Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun.” Projek Akhir Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the Animal Fable ‘Bird of Paradise’ Song. *Asian Social Science Journal*. October,10 (19): 17-23.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). The Nearly Forgotten Malay Folklore: Shall We Start With The Software? *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. July, 13(3): 216-221.
- Othman Puteh & Aripin Said. (2015). *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sufean Hussin. (2008). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Kedua.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor’Aini Dan. (1992). *Pendidikan Dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Wan Abdul Kadir. (1992). *Pembinaan Tradisi dan Budaya Ekspresif Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Zailan Moris & Sh. Azad Sh. Attar. (2007). *Falsafah Pendidikan Tinggi di Malaysia Sejak Merdeka hingga hari ini*. Dlm. Zilan Moris (pyt.) *50 Tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia (1957-2007)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Zainal Abidin Datuk Borhan. (2001). “Adat Melayu Melaka”. *Adat Melayu Serumpun* Ed. Abdul Latiff Abu Bakar. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 137-156.